

WARNA HIJAU MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: SATU ANALISIS AWAL

GREEN COLOUR FROM THE QUR'ĀNIC PERSPECTIVE: A PRELIMINARY ANALYSIS

Norwardatun Mohamed Razali

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: wardatun@usim.edu.my

ABSTRAK

Warna merupakan sebahagian daripada elemen penting dalam kehidupan manusia. Di dalam al-Qurān, Allah Subhānahu wata'āla menyebut secara khusus warna-warna tertentu bagi menggambarkan keadaan tertentu. Di antara warna yang disebut di dalam al-Qur'ān ialah warna hijau yang mana ia merupakan warna yang sinonim dengan alam semulajadi. Namun begitu, penggunaan warna hijau di dalam setiap ayat pastinya membawa makna berbeza justeru memerlukan pemahaman dan tafsiran khusus dari ulama' tafsir. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ayat al-Qur'ān yang menyebut warna hijau secara langsung dan tidak langsung. Bagi mencapai tujuan ini, penulis akan menggunakan kaedah induktif dengan cara mengumpul ayat-ayat al-Qur'ān yang mengandungi lafaz warna hijau kemudian menganalisis penggunaannya di dalam setiap ayat. Hasil analisis awal mendapati terdapat sembilan ayat yang menyebut warna hijau secara langsung dan satu ayat secara tidak langsung. Sebahagiannya menyentuh keadaan di dunia dan sebahagian lagi menjelaskan tentang kehidupan di hari akhirat, yang mana kesemua ayat ini membawa maksud yang positif seperti keamanan, ketenteraman dan kerehatan. Justeru pemilihan dan penggunaan warna hijau di dalam al-Qur'ān selari dengan emosi dan kehendak manusia yang cenderung kepada alam semulajadi yang kebiasaannya sinonim dengan warna ini.

Kunci: Warna, hijau, tafsir, al-Quran

ABSTRACT

Colour is an integral part of human life. In the Qur'ān, Allāh Almighty reveals certain colours in explaining certain situations. The use of green colour in the verses of the Qur'ān certainly meant different things and thus requires the interpretations of scholars in order to understand the context or the exact meaning of these verses. This study aims to analyze the verses of the Qur'ān that mention words of green colour directly and indirectly as well. To achieve this aim, the study will use inductive method by collecting the verses in the Qur'ān which mention the words of green colour and then analyze the meaning of these words in the context of each verses of the Qur'ān. The results from this preliminary analysis found that there are nine verses of the Qur'ān

that mention words of green colour which are partially affect the situation in this world and the other verses explains the situation in the hereafter, which all of these verses bring the positive meaning such as peace, tranquility and relaxation. It follows that the selection of using green colour in the Qur'an is parallel with human emotions and desires that tend to natural environment.

Keywords: colours, green colour, Tafsir, the Qur'an.

1. PENGENALAN

Warna di dalam bahasa arab datang dari perkataan (اللون). Di dalam mu'jam dan kamus berbahasa arab, perkataan (اللون) membawa beberapa maksud. Pertama: perkataan al-lawn bermaksud الهيئة iaitu 'bentuk' seperti merah atau hitam (M Abi Bakr, 1999). Kedua: Perkataan al-Lawn membawa maksud (النوع) atau (الجنس) iaitu jenis. Ketiga: ia bermaksud (الضرب) iaitu الضرب (النخل) sesuatu yang datang daripada pokok tamar (M Mukarram, 1993). Apabila merujuk kepada perbincangan ulamā' di dalam bahasa arab mengenai pengertian al-lawn, dapat disimpulkan di sini bahawa kalimah al-lawn tidak lari daripada salah satu daripada makna yang disebut di atas.

Allah *Subhānahū wata'āla* menciptakan alam semesta dengan segala bentuk dan kelebihan tertentu. Setiap bentuk dan ciptaan yang hidup di muka bumi ini mempunyai warna-warna tertentu. Kehidupan tanpa warna akan menjadikan kehidupan manusia menjadi suram kerana warna memberikan manusia perasaan gembira apabila mampu membezakan antara satu dengan yang lain. Oleh kerana warna merupakan sesuatu yang sangat dekat dengan kehidupan manusia, maka Allah *Subhānahū wata'āla* menyebut warna-warna tertentu di dalam al-Qur'an. Sekiranya kita meneliti ayat-ayat al-Qur'an yang menggandingkan sesuatu dengan warna-warna tertentu, kita akan dapati kebanyakan ayat-ayat ini menghubungkan warna dengan dorongan untuk mentadabbur serta memikirkan kebesaran Allah *subhānahū wata'āla* dengan cara melihat ia sebagai tanda kekuasaan dan kebesaran Allah *subhānahū wata'āla*.

Menurut al-Hamdani (2011), warna merupakan salah satu bentuk gambaran-gambaran keindahan di dalam al-Qur'an, oleh itu kita dapati bagi setiap warna yang disebutkan dan digunakan di dalam ayat-ayat tertentu di dalam al-Quran mempunyai kegunaan dan pentunjuk tersendiri. Ini dikuatkan dengan beberapa kajian berkaitan penggunaan warna di dalam al-Quran sebagaimana terdapat di dalam tesis sarjana tulisan Najah Abdul Rahman (2010) dengan tajuknya "*al-Lawn wa dilālātuhu fil Qur'an*", bahawa warna-warna di dalam al-Quran mempunyai penggunaan tertentu, dan ia boleh dikaitkan dengan bidang yang lebih luas lagi seperti balaghah, warisan, alam semulajadi dan lain-lain, justeru membuktikan bahawa warna dan kehidupan manusia mempunyai perkaitan yang sangat kuat.

Sebagaimana warna juga memberi kesan kepada emosi, warna juga memberi kesan kepada peningkatan memori manusia. Di dalam bidang psikologi misalnya, warna dikatakan mempunyai kesan kepada psikologi manusia. Ini berdasarkan penemuan M Faiz (2013) di dalam

artikel yang bertajuk “*The Influence of Colour on Memory Performance: a Review*” menemukan bahawa warna merupakan salah satu faktor yang membantu meningkatkan tahap memori manusia di samping faktor stimuli dan kadar fokus seseorang sepanjang proses pemindahan maklumat di dalam kotak memori.

Adapun warna hijau secara khususnya dikatakan warna yang mampu memberikan ketenangan kepada pandangan mata. Di dalam al-Quran, warna hijau banyak digunakan di dalam ayat-ayat tertentu, namun begitu penggunaan perkataan tersebut tidak begitu difahami justeru ia berhajat kepada pemahaman dan pentafsiran dari kitab-kitab tafsir yang mu'tabar.

Kajian ini bertujuan untuk melihat bilangan perkataan ‘ahdar’ yang membawa makna warna hijau serta penggunaannya secara khusus di dalam al-Quran. Ia juga penting untuk dilihat sejauh manakah keterkaitan penggunaan warna hijau di dalam al-Quran dengan kehidupan manusia. Ini merupakan perkara penting untuk memberi kefahaman kepada masyarakat bahawa pemilihan kalimah tertentu di dalam al-Quran bukanlah suatu yang sia-sia, sebaliknya ia mempunyai tujuan dan kesan tertentu.

2. SKOP DAN METODOLOGI

Perbahasan di dalam artikel ini secara umumnya akan menumpukan kepada analisis konser warna menurut perspektif al-Quran. Kajian juga melibatkan kitab-kitab tafsir yang mu'tabar bagi memperoleh makna dan penggunaan yang tepat bagi subjek kajian. Data-data yang diperolehi disemak dan dikelaskan mengikut bahagian masing-masing menggunakan kaedah induktif. Penulis akan mengumpulkan ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut warna hijau secara langsung dan tidak langsung, kemudian menganalisis ayat-ayat tersebut dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang mu'tabar. Kaedah ini membantu kita memahami penggunaan warna hijau dalam konteks setiap ayat dan sebab pemilihannya.

Di dalam al-Qur'an, perkataan warna disebut secara umum dengan lafaz lawn (لون). Ia datang dalam bentuk kata tunggal di dalam dua tempat (di dalam satu ayat) dan kata jamak alwān (ألوان) di dalam tujuh tempat di dalam al-Qur'an, menjadikan bilangan ayat yang menyebut perkataan warna menjadi tujuh ayat.

Jadual 1: Jumlah perkataan dan ayat yang mengandungi perkataan *Lawn* dan *Alwān*

Bil	Warna	Jumlah perkataan	Jumlah Ayat	Nama Surah dan Nombor ayat
1	Lawn (kata tunggal)	2	1	Al-Baqarah: 69
2	Alwān (kata jamak)	7	6	An-Nahl: 13 dan 69, al-Rū m: 22, Fātir: 27 dan 28, az-Zumar: 21.

Di dalam Al-Qurān juga, Allah *subhānahū wata' āla* menyebut warna-warna secara khusus bagi menggambarkan warna tertentu. Terdapat enam warna utamayang disebutkan di dalam al-Qur'ān iaitu: warna putih, hitam, kuning, hijau, merah dan biru sepertimana yang terdapat di dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Jumlah ayat yang mengandungi perkataan warna-warna di dalam al-Qur'ān

Bil	Warna	Jumlah Perkataan	Jumlah Ayat
1	Putih	12	10
2	Hitam	8	7
3	Kuning	5	5
4	Hijau	9	9
5	Biru	1	1
6	Merah	2	2
Jumlah		37	34

Walaupun bagaimanapun, artikel ini hanya akan membincangkan warna hijau sebagai topik kajian utama. Warna hijau sering dikaitkan dengan kerehatan dan keamanan kerana ia berkait rapat dengan alam semulajadi manusia. Setelah mengenalpasti ayat yang memberi makna hijau iaitu ‘ahdar’ di dalam al-Quran, hasilnya penulis mendapati sejumlah ayat yang menggunakan lafaz ‘ahdar’ di dalam al-Quran.

Secara tepatnya, terdapat sembilan ayat yang mempunyai lafaz warna hijau, sebahagiannya menceritakan tentang kehidupan di dunia dan sebahagian lagi berkaitan tentang kehidupan akhirat. Secara tepatnya, perkataan yang mempunyai lafaz warna hijau terdapat di dalam tujuh surah (bersamaan dengan 9 ayat) di dalam al-Quran sepertimana yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah

Jadual 3: Jumlah perkataan, ayat dan surah yang mengandungi perkataan ‘ahdar’

Perkataan	Bil. Ayat	Nama surah dan nombor ayat
حَضْرًا	1	Al-an'ām: 99

حُضْرَةٌ	1	Al-Hajj: 63
الْأَخْضَرِ	1	Yāsin: 80
حُضْرٍ	3	Yusuf: 43 dan 46, ar-Rahmān: 76
حُضْرًا	1	Al-Kahfi: 31
حُضْرٍ	1	Al-Insān: 21
مُدَّهَا مَتَانِ	1	Ar-Rahmān: 64
7	9	Jumlah: 7 surah

Seterusnya pengkaji telah mengkategorikan sembilan perkataan tersebut kepada tema-tema seperti berikut;

2.1 Warna Hijau berkaitan warna tumbuh-tumbuhan

﴿وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرَّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ انظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ﴾

Maksudnya: Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman” (Surah Al-An’ām 6:99).

2.2 Warna muka bumi selepas turunnya air hujan

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَتُصْبِحُ الْأَرْضُ مُخْضَرَّةً إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ﴾

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu menjadilah bumi ini hijau subur (dengan sebabnya)? Sesungguhnya Allah Maha Halus serta lemah-lembut (urusan tadbirNya), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (akan hal-ehwal sekalian makhlukNya) (Surah Al-Hajj 22: 63).

2.3 Warna Pokok

﴿الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ مِنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنْتُمْ مِنْهُ تُوقِدُونَ﴾

Maksudnya: “Tuhan yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu” (Surah Yaasin, 36:80).

2.4 Ta'wīl mimpi Nabi Yūsuf ‘alaihissalām

﴿وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَى سَبْعَ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعَ عِجَافٍ وَسَبْعَ سُثُلَاتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ أَفْتُونِي فِي رُءْيَايَ إِنْ كُنْتُمْ لِلرُّءْيَا تَعْبُرُونَ﴾

Maksudnya: Dan (pada suatu hari) raja Mesir berkata: “Sesungguhnya aku mimpi melihat: tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum (yang hadir, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang yang pandai menafsirkan mimpi)” (Surah Yūsuf 12: 43).

Perkataan yang menyebut tentang warna hijau juga terdapat di dalam ayat-ayat yang menceritakan tentang kehidupan di akhirat. Di dalam al-Qur’ān, terdapat tiga tempat yang menggunakan warna hijau bagi menjelaskan sesuatu sama ada digunakan secara zahir ataupun secara maknawī.

2.5 Warna Pakaian ahli syurga

﴿أُولَئِكَ لَهُمْ جَنَّاتٌ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ يُجَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُتَّكِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرَائِكِ نِعْمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا﴾

Maksudnya: Mereka itu, disediakan baginya syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan emas, dan memakai pakaian hijau dari sutera yang nipis dan sutera tebal yang bersulam; mereka berehat

di dalamnya dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias). Demikian itulah balasan yang sebaik-baiknya dan demikian itulah Syurga tempat berehat yang semolek-moleknya” (Surah al-Kahfi:18:31)

2.6 Warna tempat ahli syurga beradu

﴿مُتَّكِنِينَ عَلَى رَفْرَفٍ خُضْرٍ وَعَبْقَرِيٍّ حِسَانٍ﴾

Maksudnya: “Penduduk Syurga itu (bersenang-senang di dalamnya dengan) berbaring di atas (bantal-bantal dan) cadar-cadar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah” (Surah Ar-Rahmān 55:76).

2.7 Warna pokok di dalam syurga

﴿وَمِنْ دُونِهِمَا جَنَّتَانٍ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ مُدْهَمَّاتَانِ﴾

Maksudnya: Dan selain dari dua Syurga itu, dua Syurga lagi (untuk menjadi balasan bagi golongan peringkat yang kedua); Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan. Kedua-duanya menghijau subur tanamannya. (Surah ar-Rahmān: 55: 62-64).

3. ANALISIS AYAT DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada penjelasan para ulama tafsir berkaitan warna hijau, dapatlah dirumuskan penggunaan warna hijau dibahagikan kepada dua perkara seperti berikut;

3.1 Ayat-ayat yang berkaitan tentang kehidupan di dunia

Warna hijau di dalam ayat yang berkaitan dengan kehidupan di dunia boleh dibahagikan kepada empat perkara utama iaitu; warna tumbuh-tumbuhan, warna muka bumi selepas diturunkan hujan, warna pokok dan warna hijau di dalam ta'wil mimpi oleh Nabi Yusuf *Alaihi as-salam*. Analisis bagi setiap ayat akan diterangkan di setiap bahagian.

Warna Hijau berkaitan warna tumbuh-tumbuhan:

Di dalam surah al-An'ām, Allah *subhānahū wata 'ālam* menceritakan tentang keadaan muka bumi setelah diturunkan hujan sepertimana firman-Nya :

﴿وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرَجُ مِنْهُ حَبًّا مَّتْرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرَّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ انظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ﴾

Maksudnya: Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman” (Surah Al-An’ām 6:99).

Di dalam ayat ini, Allah *subhānahū wata’āla* menjelaskan tentang keadaan tumbuh-tumbuhan yang hidup subur disebabkan turunnya air hujan. Menurut Sayyid Qutb, ayat ini juga menjelaskan bahawa, setiap tumbuhan yang hidup di muka bumi ini bermula daripada sesuatu yang berwarna hijau (Qutb, 1991). Ini adalah berdasarkan kepada perkataan (خضرا) yang membawa beberapa maksud sepertimana disebut di dalam tafsir at-Tobarī. Pertama membawa maksud (الرطب من الزرع أو النبات) iaitu tumbuhan-tumbuhan yang masih basah (muda)(at-Thobari, 2000). Kedua, ia membawa maksud akar yang keluar terlebih dahulu diikuti pucuk yang tumbuh di atasnya. Ketiga, ia bermaksud warna hijau yang hakiki sepertimana disebut di dalam tafsir Az-Zamakhsyārī (az-Zamakhsyari, 1986).

Berdasarkan pengertian yang ditafsirkan oleh ulamā’ tafsīr, penulis mendapati perkataan (خضرا) di dalam ayat ini membawa maksud warna hijau secara zatnya, dan dalam masa yang sama ia membawa maksud segala jenis tumbuhan yang masih muda kerana kebiasaannya tumbuhan yang masih muda berwarna hijau. Ini adalah sebagaimana pandangan Ibnu ‘Āsyūr yang menyatakan bahawa perkataan (خضرا) di dalam ayat ini membawa maksud setiap sesuatu yang berwarna hijau, dan ia secara mutlak merupakan nama bagi tumbuh-tumbuhan yang masih muda, yang mana warnanya bukanlah seperti warna batang pohon yang telah matang (Ibnu ‘Āsyūr, 1984).

Warna muka bumi selepas turunnya air hujan:

Allah *subhānahū wata’āla* menggunakan warna hijau untuk menjelaskan warna muka bumi selepas diturunkan hujan sepertimana terkandung di dalam firman-Nya:

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَتُصْبِحُ الْأَرْضُ مُخْضَرَّةً إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ﴾

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu menjadilah bumi ini hijau subur (dengan sebabnya)? Sesungguhnya Allah Maha Halus serta lemah-lembut (urusan tadbirNya), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (akan hal-ehwal sekalian makhlukNya) (Surah Al-Hajj 22: 63).

Ayat ini secara keseluruhannya menyatakan tentang kekuasaan Allah *subhānahū wata’āla* di dalam dua bentuk: Pertama ialah berkaitan dengan kekuasaan Allah *subhānahū*

wata'ālayang menghidupkan kawasan yang pada mulanya tidak subur menjadi kawasan yang subur menghijau dengan meniupkan angin hingga terciptanya awan, seterusnya menurunkan hujan daripada awan tersebut ke kawasan muka bumi yang kering kontang dan tiada tumbuh-tumbuhan padanya, sehingga dengan turunnya hujan tersebut menjadi kawasan tersebut tumbuh subur menghijau dengan tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Secara tidak langsung, kawasan yang tumbuh subur menghijau adalah tanda bahawa terdapatnya takungan air samada aliran air sungai dan takungannya. Ayat ini membuktikan bahawa kawasan bumi yang menghijau ini merupakan nikmat yang tidak pernah putus kurniaan daripada Allah *subhānahū wata'āla* ke atas hamba-hambanya yang dikasihi, dan secara tidak langsung ia merupakan tanda kasih sayang Allah *subhānahū wata'āla* ke atas hamba-hamba-Nya (At-Tobarī, 2000).

Kedua: Ayat ini menceritakan tentang aspek akidah yang mana ia membuktikan kekuasaan Allah *subhānahū wata'āla* menghidupkan semula sesuatu yang telah mati (Al-Qurthubī, 1964). Ini diumpamakan dengan kekuasaan Allah *subhānahū wata'āla* yang berkuasa menghidupkan semula kawasan yang telah kering kontang denganturunnya air hujan, begitulah juga Allah berkuasa membangkitkan manusia yang telah mati.

Kesimpulannya, perkataan (مخضرة) di dalam ayat ini bukan sahaja membawa makna tumbuh-tumbuhan yang menghijau, tetapi ia merangkumi segala jenis tumbuh-tumbuhan, buah-buahan dan bunga-bunga yang terdapat di dalam pelbagai warna.

Warna Pokok:

Warna hijau juga digunakan untuk menjelaskan tentang warna pohon, sepertimana disebutkan di dalam firman Allah *subhānahū wata'āla*:

﴿الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ مِنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنْتُمْ مِنْهُ تُوقِدُونَ﴾

Maksudnya: “Tuhan yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu” (Surah Yaasin, 36:80).

Menurut ulamā' tafsīr, perkataan الأخضر di dalam ayat ini membawa dua makna; Pertama: Ia membawa makna zahir iaitu sifat pohon tersebut pada asalnya ialah berwarna hijau, kemudiannya menjadi kering sehingga dengannya boleh digunakan untuk membakar, sepertimana pandangan Ibnu Kathīr di dalam tafsirnya (Ibnu Kathīr, 1998). Namun menurut pandangan beliau, pohon yang hijau ini boleh dibakar ketika keadaannya sudah menjadi kering, adapun ketika masih muda dan basah ia tidak boleh dibakar.

Kedua, ia membawa makna tamsilan iaitu kekuasaan Allah *subhānahū wata'āla* yang mampu menghidupkan semula sesuatu yang telah mati. Ayat ini mengandungi mukjizat berkaitan kekuasaan Allah yang mampu menjadikan sesuatu yang mustahil ataupun berlawanan dari segi logik fikiran manusia. Ini dapat dilihat daripada perkataan (من الشجر الأخضر ناراً), yang mana pohon

yang berwarna hijau pada asal dan kebiasaan sifatnya ialah basah dan mengandungi air, tetapi ia boleh menjadi kayu api. Ini kerana mengikut logik akal, sesuatu yang basah tidak mungkin boleh dibakar atau dinyalakan api. Namun begitu, hal keadaan bagi pohon hijau berbeza kerana walaupun ia sesuatu yang berlawanan dari kebiasaan, tetapi begitulah sifat pohon yang akhirnya mampu menjadi kayu bakar.

Ayat ini merupakan tanda bahawa Allah *subhānahū wata'āla* mampu menjadikan sesuatu yang berlawanan pada logik akal manusia menjadi sesuatu yang tidak mustahil. Ini merupakan perumpamaan yang baik bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh orang kafir berkaitan kehidupan semula selepas kematian. Imam al-Qurthubī di dalam kitab tafsirnya menjelaskan bahawa ayat ini merupakan jawapan bagi orang kafir yang ragu-ragu dan mempersoalkan tentang kehidupan selepas kematian dengan katanya:

“Janin itu lazimnya bersifat basah, dan tidaklah mustahil dengannya lahir kehidupan selepas itu. Adapun tulang yang telah kering sifatnya adalah mati, maka bagaimanakah sesuatu yang mati ini boleh hidup semula” (al-Qurthubi, 1964).

Maka ayat ini diturunkan bagi membuktikan bahawa Allah *subhānahū wata'āla* mampu menghidupkan sesuatu setelah ia mati walaupun ia sesuatu yang mustahil pada fikiran manusia. Ia diumpamakan sepertimana keadaan pohon hijau yang sifatnya basah namun mampu untuk terbakar sedangkan ia sesuatu yang berlawanan secara lazimnya. Imam al-Qurthubī menjelaskan:

“Pohon Hijau adalah daripada air, manakala sifat air adalah sesuatu yang basah dan sejuk berlawanan dengan sifat api yang mana keduanya tidak mungkin bersatu, tetapi Allah mampu menjadikan pohon yang basah itu untuk menghasilkan api. Ini membuktikan bahawa Allah swt berkuasa menyatukan sesuatu yang berlawanan” (al-Qurthubi, 1964).

Ta'wīl mimpi Nabi Yūsuf *'alaihissalām*:

Warna hijau juga terdapat di dalam kisah ta'wīl mimpi Nabi Yūsuf *'alaihissalāmdī* dalam dua ayat. Ayat yang pertama di dalam firman Allah *subhānahū wata'āla*:

﴿وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَى سَبْعَ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعَ سُنبُلَاتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ أَفْتُونِي فِي رُءْيَايَ إِنْ كُنْتُمْ لِلرُّءْيَا تَعْبُرُونَ﴾

Maksudnya: Dan (pada suatu hari) raja Mesir berkata: “Sesungguhnya aku mimpi melihat: tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum (yang hadir, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang yang pandai menafsirkan mimpi)” (Surah Yūsuf 12: 43).

Ayat ini mengisahkan tentang Raja Mesir yang bermimpi telah melihat tujuh ekor lembu gemuk yang dimakan oleh tujuh ekor lembu kurus, dan juga terdapat tujuh tangkai biji-bijian yang hijau sedangkan tujuh tangkai yang lainnya kering. Lalu raja meminta kepada pemuka-pemuka di dalam negaranya untuk mentakwilkan mimpi tersebut. Namun kesemuanya mengatakan bahawa mimpi tersebut adalah dusta, justeru bagi mereka tidak ada ta'wīl bagi mimpi yang dusta. Namun begitu, ada seorang lelaki yang pernah dipenjar bersama Nabi Yūsuf *'alaihissalām* teringat akan kehebatan beliau di dalam mentakwīl mimpi, lalu dia meminta izin kepada raja untuk bertemu dengan Nabi Yūsuf *'alaihissalām* agar dapat memberikan jawapan yang diminta. Ketika bertemu Nabi Yūsuf *'alaihissalām*, lelaki tersebut mengajukan pertanyaan berkaitan mimpi raja tersebut, lalu Nabi Yūsuf *'alaihissalām* menta'wīlkannya sepertimana diceritakan di dalam firman-Nya:

﴿يُوسُفُ أَيُّهَا الصِّدِّيقُ أَفْتِنَا فِي سَبْعِ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعِ سُنبُلَاتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ لَعَلِّي أَرْجِعُ إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: (Setelah ia berjumpa dengan Yūsuf, berkatalah ia): “Yūsuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya” (Surah Yūsuf 12: 46).

Menurut Sayyid Qutb, perkataan *سنبلات خضر* atau tangkai bijian berwarna hijau bukanlah membawa makna hakiki, tetapi membawa makna majāzī iaitu gambaran tentang tujuh tahun yang penuh dengan kebaikan yang seterusnya akan diikuti dengan *يابسات* iaitu tahun yang kering. Ayat ini mengandungi suatu peringatan agar mereka membiarkan tumbuhan dan buah-buahan di tangkainya sahaja agar ia tidak busuk dan tidak kering, supaya menjadi bekalan buat mereka pada tujuh tahun mendatang yang kering dan tidak subur (Sayyid Qutb, 1991).

Kesimpulannya, warna hijau di dalam ayat ini bukanlah membawa makna hakiki iaitu semata-mata tangkai hijau, tetapi ia membawa makna tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan yang segar sehingga ia menjadi sesuatu yang hidup dan bermanfaat kepada manusia pada waktu yang sangat diperlukan oleh manusia.

3.2 Ayat-ayat yang berkaitan tentang kehidupan di akhirat

Perkataan yang menyebut tentang warna hijau juga terdapat di dalam ayat-ayat yang menceritakan tentang kehidupan di akhirat. Di dalam al-Qur'ān, terdapat tiga tempat yang menggunakan warna hijau bagi menjelaskan sesuatu sama ada digunakan secara zahir ataupun secara maknawī.

Warna Pakaian ahli syurga:

Warna hijau disebut di dalam ayat yang menjelaskan sifat dan warna pakaian ahli syurga, sepertimana yang disebut di dalam firman Allah *subhānahū wata'āla*:

﴿أُولَئِكَ لَهُمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُتَّكِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرَائِكِ نِعْمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا﴾

Maksudnya: Mereka itu, disediakan baginya syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan emas, dan memakai pakaian hijau dari sutera yang nipis dan sutera tebal yang bersulam; mereka berehat di dalamnya dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias). Demikian itulah balasan yang sebaik-baiknya dan demikian itulah Syurga tempat berehat yang semolek-moleknya” (Surah al-Kahfi:18:31)

Ayat ini menerangkan tentang nikmat-nikmat yang disediakan oleh Allah *subhānahū wata'āla* untuk ahli syurga. Di antara nikmat-nikmat ini ialah pakaian yang disebut dengan lafaz *سندس* iaitu sutera yang nipis, dan *استبرق* iaitu pakaian dari bahan lain yang dicampur dengan sutera (ar-Rāzī, 1999). Di dalam ayat lain pula, Allah *subhānahū wata'āla* menerangkan secara terperinci tentang nikmat-nikmat untuk ahli syurga, sepertimana disebut di dalam firman Allah *subhānahū wata'āla*:

﴿عَلَيْهِمْ ثِيَابٌ سُنْدُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ وَحُلُّوا أَسَاوِرَ مِنْ فِضَّةٍ وَسَقَلَهُمْ رُبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا﴾

Maksudnya: Mereka di dalam Syurga memakai pakaian hijau yang diperbuat dari sutera halus dan sutera tebal (yang bertekak), serta mereka dihiasi dengan gelang-gelang tangan dari perak; dan mereka diberi minum oleh Tuhan mereka dengan sejenis minuman (yang lain) yang bersih suci” (Surah Al-Insan 76: 21).

Jika dikaitkan ayat ini dengan ayat yang dijelaskan penulis sebelumnya (Surah al-Kahfi:18:31), ahli syurga terbahagi kepada dua golongan iaitu *'al-Abrār'* dan *'al-Muqarrabīn'*. Ayat ini secara khusus menceritakan tentang golongan pertama iaitu *'al-Abrār'* yang mana di antara nikmat yang dikurniakan kepada mereka ialah *سندس* iaitu sutera yang nipis dan *استبرق* iaitu pakaian dari bahan lain yang dicampur dengan sutera (kedua-duanya termasuk di dalam maksud sutera) serta diberikan perhiasan daripada perak ((Ibnu Kathir, 1998). Adapun bagi golongan kedua iaitu *'al-Muqarrabīn'* mereka dikurniakan pakaian yang sama sepertimana golongan *'al-Abrār'* melainkan golongan ini dipakaikan perhiasan yang diperbuat daripada emas. (Surah al-Kahfi: 18: 31).

Kesimpulannya, warna hijau di dalam kedua-dua ayat di atas digunakan bagi menerangkan perihal sifat pakaian ahli syurga yang dikhususkan buat golongan *'al-Abrār'* dan *'al-Muqarrabīn'* seolah-olah di dalam syurga terdapat pelbagai jenis pakaian dan pakaian

yang berwarna hijau ini merupakan pakaian yang terbaik berbanding pakaian yang lain. Allah *subhānahū wata'āla* menyifatkan pakaian ahli syurga dengan warna yang khusus iaitu warna hijau kerana ia merupakan warna yang disukai oleh manusia disebabkan sifatnya yang memberikan kerehatan dan ketenangan bagi pandangan manusia. (Al-Qurthubī, 1964).

Warna tempat ahli syurga beradu:

Warna hijau juga digunakan untuk menjelaskan sifat bagi nikmat-nikmat lain yang dikurniakan untuk ahli syurga. Di antaranya adalah sepertimana yang disebutkan di dalam firman Allah *subhānahū wata'āla*:

﴿مُتَّكِنِينَ عَلَى رَفْرَفٍ خُضْرٍ وَعَبْقَرِيٍّ حِسَانٍ﴾

Maksudnya: “Penduduk Syurga itu (bersenang-senang di dalamnya dengan) berbaring di atas (bantal-bantal dan) cadar-cadar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah” (Surah Ar-Rahmān 55:76).

Di dalam ayat ini Allah *subhānahū wata'āla* menceritakan secara khusus tentang dua buah syurga yang dikurniakan secara khusus kepada golongan kedua (yang diceritakan di dalam surah ini) yang mana disebutkan juga nikmat-nikmat yang khusus buat mereka. Mereka disifatkan bersenang lenang dan berbaring di atas (رفرف). Terdapat beberapa pandangan berkaitan perkataan (رفرف), antaranya membawa maksud taman syurga (At-Thobārī, 2000), bantal, tali khemah (al-Baidhāwī, 1970), dan pakaian yang lebar (Az-Zamakhsharī, 1986). Penulis mendapati bahawa makna yang lebih dekat bagi perkataan (رفرف) ialah (الوسائد) iaitu bantal kerana ia selari dengan ayat lain di dalam surah yang sama yang mana ia menyentuh berkaitan dua buah syurga lain yang dikurniakan untuk golongan pertama, sepertimana yang disebut di dalam firman Allah: ﴿مُتَّكِنِينَ عَلَى فُرُشٍ بَطَائِنُهَا مِنْ إِسْتَبْرَقٍ﴾ (Surah Ar-Rahmān 55: 54), dan lafaz (متكئين) membawa maksud berbaring (Ibnu Kathīr, 1998), maka secara logiknyanya perkataan (رفرف) di dalam ayat yang dibincangkan ini membawa maksud bantal atau cadar yang dengannya mereka berbaring.

Kesimpulannya, sifat cadar dan bantal buat ahli syurga sepertimana disebutkan di dalam ayat ini juga disifatkan berwarna hijau sepertimana sifat warna pakaian ahli syurga. Di antara sebab warna ini dipilih ialah kerana ia merupakan warna yang menenangkan dan merehatkan mata yang memandangnya (al-Qurthubi, 1997), oleh kerana itu Allah menyifatkan warna hijau bagi menerangkan perihal kehidupan akhirat khususnya tentang nikmat buat ahli syurga (Norwardatun, 2018).

Warna pokok di dalam syurga:

Di dalam ayat lain, warna hijau juga digunakan bagi menjelaskan warna pohon di dalam syurga, sebagaimana yang disebut di dalam firman Allah *subhānahū wata'āla*:

﴿وَمِنْ دُونِهِمَا جَنَّاتٍ قَبَائِيءٍ آءَاءِ رَبِّكُمْ أَتُكَدِّبَانِ مُدْهَامَتَانِ﴾

Maksudnya: Dan selain dari dua Syurga itu, dua Syurga lagi (untuk menjadi balasan bagi golongan peringkat yang kedua); Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan. Kedua-duanya menghijau subur tanamannya. (Surah ar-Rahmān: 55: 62-64).

Di dalam ayat ini Allah *subhānahū wata'āla* menceritakan tentang nikmat bagi *ashāb al-Yamīn* (golongan kanan), yang mana mereka ini hidup di dalam syurga yang tanam-tanamannya hidup dengan subur menghijau. Walaupun di dalam ayat ini tidak menggunakan perkataan (الأخضر), namun begitu penggunaan perkataan (مدھامتان) dari segi makna sahaja sudah menunjukkan warna tumbuh-tumbuhan yang hijau pekat kesan daripada pengairan yang cukup sempurna di dalam syurga (Ibnu Kathīr, 1998).

4. KESIMPULAN

Warna merupakan salah satu dari tanda-tanda kekuasaan Allah yang mampu menciptakan sesuatu untuk manfaat kehidupan manusia. Ia juga merupakan rahsia kebesaran Allah bagi yang mahu mengambil pelajaran. Tidak dinafikan lagi, warna mampu memberi kesan kepada manusia seperti emosi dan peningkatan memori seseorang, justeru, menerusi kajian warna hijau di dalam al-Quran, penulis mendapati terdapat banyak petunjuk dan manfaat yang diperolehi melalui sembilan ayat yang dikenalpasti. Di antaranya ada yang membawa makna hakiki di dalam membicarakan keadaan di dunia seperti warna tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan untuk manfaat manusia. Selain itu, warna hijau juga digunakan secara tamsilan iaitu di dalam menjelaskan kekuasaan Allah *subhānahū wata'āla* yang mampu menghidupkan sesuatu yang telah mati serta menjadikan sesuatu yang mustahil menjadi nyata. Selain itu, warna hijau juga menyentuh tentang kehidupan di akhirat seperti nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah *subhānahū wata'āla* untuk ahli syurga seperti warna pakaian, bantal, serta pohon yang subur menghijau khusus untuk ahli syurga. Berdasarkan analisis ayat-ayat ini dapat kita simpulkan bahawa warna hijau digunakan di dalam ayat al-Qur'ān bagi membayangkan nikmat-nikmat yang dikurniakan buat manusia di dunia dan juga khusus buat ahli syurga. Warna hijau juga digunakan bagi menjelaskan keadaan alam semulajadi yang mana ia merupakan warna yang sangat dekat dengan kehidupan manusia, justeru manusia cenderung kepada tempat yang baik dan subur seperti kawasan pedalaman, perkampungan, dan juga kawasan perladangan kerana kebiasaannya di kawasan seperti ini tumbuh-tumbuhan masih hidup dengan subur. Tambahan pula, kebanyakan manusia suka melihat tempat yang subur menghijau berbanding kawasan yang berpasir dan tandus, kerana manusia lebih cenderung kepada sesuatu yang menenangkan jiwa, merehatkan mata, dan menghirup udara yang nyaman. Oleh kerana kedekatan inilah, maka kebanyakan ayat al-Qur'ān yang menyentuh tentang warna hijau kebanyakannya digunakan untuk menjelaskan tentang kenikmatan buat ahli syurga agar dapat memberi kerehatan dan keamanan buat mereka di akhirat. Hasil dari analisis awal ini diharapkan dapat memberi idea untuk kajian seterusnya dengan harapan wujudnya integrasi ilmu antara al-Qur'ān dan bidang-bidang lain seperti

psikologi, pendidikan, perubatan dan sebagainya, justeru secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang mukjizat al-Qur'an dan mengakui kebesaran Allah *subhānahū wata'āla*.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Qurān al-Karīm.
- [2] A Al-Baidhāwī (1997). *Anwār at-Tanzīl wa Asrār at-Ta'wīl*. Beirut: Dār Ihyā' at-Turath al-'Arabī.
- [3] A. Abdullāh (1999). *Mukhtār as-sihhah*. Beirut: Dar an-Namūzajiyah.
- [4] AQ Az-Zamakhsyarī (1986). *Al-Kassyāf 'an Haqāiq Ghawamidh at-tanzīl (Tafsīr az-Zamakhsyarī)*. Beirut: Dārul Kitāb al-'Arabī.
- [5] F Ar-Rāzī (1999). *Maḥāṭib al-Ghaib (Tafsīr ar-Rāzī)*. Beirut: Dar Ihyā' at-Turāth al-'Arabiyy.
- [6] IU Ibnu Kathīr (1998). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azhīm (Tafsīr Ibnu Kathīr)*. Beirut: Dārul Kutub al-'Ilmiyyah.
- [7] M Al-Qurthubī (1964). *Al-Jāmi' li ahkām al-Qur'ān (Tafsīr al-Qurthubī)*. Al-Qāhirah: Dārul Kutūb al-Misriyyah.
- [8] MJ At-Thobarī (2000). *Jami' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*. ____: Muassasah ar-Risālah.
- [9] MM Ibnu Manzūr (1993). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dar Sādir.
- [10] MT Ibnu 'Āsyūr (1984). *At-Tahrīr wa at-Tanwīr*. Tunisia: Dārul Tunīsiyyah.
- [11] NWM Razali (2018). *Dilalat al-alwan fil Quran al-Karim wa ta'thiruha fil 'amaliyah at-ta'limiah "alhifzi anmuzajan: Dirasah Maydaniyyah fil Madrasah at-thanawiyyah bi wilayah birak"*. (Tesis Phd). Malaysia: Universiti Sains Islam Malaysia.
- [12] S Qutb (1991M). *Fī Zilāl al-Quran*. Al-Qāhirah: Dar as-Syurūf.